

30 MAY 2000

LEAD MAHATHIR-AFTA/I

KAJI SEMULA STRATEGI AFTA BUKA SEKTOR AUTOMOTIF: MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 30 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyarankan agar strategi Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) dikaji semula, terutamanya dalam membuka industri automatif kerana ia akan meninggalkan kesan buruk kepada pembuat kereta tempatan seperti Proton.

Katanya sesetengah negara seperti Malaysia sudahpun memikirkan dua kali tentang membuka pasaran mereka di bawah Afta.

Negara-negara Asean terdahulu tahun ini memutuskan menangguhkan pemindahan unit pasang siap (CBU) dan unit terurai (CKD) produk dari industri automatif dari Senarai Pengecualian Sementara (TEL) kepada Senarai Kemasukan (IL) pada 1 Jan, 2005.

"Apa yang hendak kita katakan, bolehkah kita tangguhkan sedikit terutamanya (dalam membuka) industri auto kerana kita telah melihat orang memasuki negara-negara Asean lain dan mendirikan kilang untuk mengeluarkan kereta dan menamakannya produk negara ini."

"Dan mereka menikmati keistimewaan mengeksport ke negara-negara Asean yang lain dengan membayar cukai yang sedikit dan bersaing dengan pembuat kereta seperti Proton," katanya semasa sesi soal jawab dengan para peserta Sidang Kemuncak Perniagaan Eropah-Asia 2000.

Justeru, katanya Proton berada dalam keadaan yang sukar kerana ia bukan sekadar pemasang kereta seperti syarikat-syarikat lain tetapi mengeluarkan keretanya sendiri dan oleh yang demikian, terpaksa membeli teknologi-teknologi dan banyak komponen yang menjadikan kos lebih tinggi oleh pembuat kereta kebangsaan itu.

"Dibandingkan dengan yang lain, syarikat seperti ini hanya memasang kereta yang telah direka dan diuji di negara-negara lain.

"Saya berpendapat terdapat penyelesaian tentang perkara ini semua, kita harus berbincang sama ada pembahagian kerja boleh diagihkan di mana sesetengah negara mengeluarkan barangan tertentu dan sesetengah negara lain pun mengeluarkan barangan yang lain pula," katanya.

Merujuk pada pelabur-pelabur asing, Dr Mahathir melahirkan keyakinan bahawa negara-negara Asean boleh mencari jalan untuk melabur di Malaysia agar dapat menjual kepada negara-negara lain atau melabur dalam negara Asean yang lain untuk menembusi pasaran Asean.

Menjawab soalan lain pula, beliau berkata pemodal-pemodal teroka tempatan seharusnya lebih berani dalam mengambil risiko dan melabur di dalam syarikat-syarikat baru internet yang amat memerlukan pembiayaan untuk berjaya.

Beliau menambah bahawa syarikat internet baru tidak boleh mendapatkan pinjaman dari bank-bank "konservatif" yang agak keberatan untuk menyalurkan pinjaman kepada syarikat-syarikat seperti ini kerana ia belum pun boleh menunjukkan rekod prestasi atau pun mempunyai sandaran pinjaman.

"Kita perlu mempunyai orang, bank, permodal teroka yang berkata 'kita tidak akan meminta rekod prestasi anda. Saya faham apa yang anda usahakan dan saya berani bertarung.'

"Jika anda boleh berbuat demikian, maka modal teroka akan berjaya," kata Dr Mahathir apabila mengulas mengenai kemerosotan dana yang disediakan untuk memulakan syarikat internet di negara ini.

Perdana Menteri menegaskan bahawa kerajaan hanya mampu meminta bank-bank atau pemodal-pemodal teroka untuk menyediakan lebih banyak dana untuk projek seumpama itu.

"Hanya sedikit sahaja yang dapat dilakukan kerajaan dan kita tidak boleh menukar cara pemikiran orang. Anda mestilah mengambil risiko yang tidak perlu dan berharap satu daripada 10 itu akan mencapai kejayaan," tambahnya.

Untuk berbuat demikian, katanya pemodal teroka tempatan perlu mempunyai kemampuan menilai ide-ide yang boleh berjaya.

Menurutnya, pemodal-pemodal teroka di AS telah berjaya kerana mereka sedia menanggung risiko dan menerima hakikat bahawa daripada banyak-banyak pelaburan, hanya satu boleh mencapai kejayaan.

-- BERNAMA

MOT MA